

30- Sulaiman bin Harb telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu'bah telah meriwayatkan kepada kami dari Waashil al-Ahdab dari al-Ma'rur bin Suwaid, beliau berkata: "Pernah saya bertemu Abu Zar di Rabazah. Beliau seperti hambanya juga memakai pakaian lengkap, maka saya bertanya beliau mengapa begitu? Abu Zar berkata: "Aku pernah memaki seseorang, aku `aibkannya dengan mengatai ibunya. Terus Nabi SAW berkata kepadaku: "Wahai Abu Zar adakah engkau mencelanya dengan menyebut keburukan ibunya? Sesungguhnya padamu masih ada lagi semangat jahiliyah. Hamba-hamba kamu itu adalah saudara kamu, Allah telah meletakkan mereka di bawah tanganmu. Sesiapa yang saudaranya berada di bawah tangannya (jagaannya), hendaklah dia memberi makan kepadanya daripada makanannya sendiri, dan hendaklah dia memakaikan kepadanya apa-apa yang dipakainya sendiri. Janganlah engkau bebani mereka dengan sesuatu yang tidak mampu mereka pikul. Jika kamu mahu juga membebaskan mereka, maka bantulah mereka.

بَابُ ظُلْمٍ دُونَ ظُلْمٍ

23. Bab : Kezaliman Di Bawah Kezaliman Yang Sebenar

٣١- حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ وَحَدَّثَنِي شُرْبُنُ خَالِدِ أَبُو مُحَمَّدٍ الْعَسْكَرِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ شُعْبَةُ عَنْ سُلَيْمَانَ عَنْ إِبْرَاهِيمَ عَنْ عَلْقَمَةَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ لَمَّا نَزَلَتْ (الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ) قَالَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّا لَمْ يَظْلَمُوا . فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ (إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ)

31- Abu al-Walid telah meriwayatkan kepada kami , katanya, Syu`bah telah meriwayatkan kepada kami. Beliau (Imam Bukhari) berkata (lagi), Bisyr bin Khalid Abu Muhammad al-`Askari juga telah meriwayatkan kepada saya, katanya, Muhammad bin Ja`afar telah meriwayatkan kepada kami daripada Syu`bah daripada Sulaiman daripada Ibrahim daripada `Alqamah daripada Abdullah, katanya : ketika turun ayat (bermaksud) “Orang-orang yang telah beriman dan tidak mencampurkan keimanan mereka dengan sebarang kezaliman”. Sahabat- sahabat Rasulullah SAW pun berkata : “Siapalah di antara kita yang tidak berlaku zalim”. Maka Allah swt menurunkan (ayat bermaksud) “Sesungguhnya syirik itu adalah benar-benar kezaliman yang besar”.

بَابُ عَلَامَةِ الْمُنَافِقِ

24. Bab: Tanda Orang Munafiq

٣٢- حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ أَبُو الرَّبِيعِ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ جَعْفَرٍ قَالَ حَدَّثَنَا نَافِعُ بْنُ مَالِكٍ بْنُ أَبِي عَامِرٍ أَبُو سَهْلٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ؓ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ آتَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثُ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا أُؤْتِيَ خَانَ